

## RAWATAN ASTHMA

### B) Ubat Pelega Asthma ( Reliever)

- ⇒ Ubat ini dapat melegakan pernafasan semasa serangan asthma dan digunakan jika perlu sahaja.
  - ⇒ Ubat boleh digunakan sebelum aktiviti fizikal
- Jenis ubat adalah seperti sedutan salbutamol/Ventolin/asthalin dan terbutaline.

## CARA PENGAMBILAN UBAT

### Aerochamber / spacer

- ◆ Bagi bayi dan kanak-kanak
- ◆ Mudah digunakan dan ubat terus masuk ke paru-paru.
- ◆ Tidak memerlukan koordinasi untuk bernafas sambil menyedut ubat.



### Spacer dengan "mouth piece"

- ◆ Sesuai untuk kanak-kanak yang lebih besar dan boleh mengikut arahan cara penggunaan yang betul.



### Secara Terus

- ◆ Untuk orang dewasa yang boleh berkoordinasi antara pernafasan dan menyedut ubat.
- ◆ Teknik perlu diperikasa oleh Doktor atau Pegawai Farmasi dan Jururawat bertugas kerana ianya lebih sukar.



Disediakan Wad 7PA  
7949 2355/ 2356

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi  
Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama  
Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur  
Tel : 03-79492376/ 3320/ 2798/ 2412



# ASTHMA



*Di kalangan kanak-kanak*


## APA ITU ASTHMA

Asthma adalah penyakit kronik di dalam paru-paru yang melibatkan saluran pernafasan.

## BAGAIMANA ASTHMA TERJADI

- ◆ Asthma disebabkan oleh inflamasi / keradangan pada saluran pernafasan
- ◆ Keradangan ini menyebabkan saluran paru-paru membengkak dan menghasilkan lendir yang berlebihan serta menjadi lebih sensitif
- ◆ Otot di sekeliling saluran pernafasan akan mengecut dan menyebabkan lapisan saluran pernafasan menjadi sempit.
- ◆ Beberapa faktor pencetus boleh menyebabkan inflamasi dan radang pada salur pernafasan.

Saiz saluran pernafasan yang sempit menyebabkan anak anda mengalami kesukaran bernafas.



## PENCETUS SERANGAN ASTHMA

- ◆ Habuk/kutu rumah, debunga dan bulu binatang.
- ◆ Jerebu dan pencemaran udara.
- ◆ Persekitaran yang sejuk.
- ◆ Jangkitan saluran pernafasan, batuk dan selsema
- ◆ Merokok dan asap rokok

## TANDA-TANDA PENYAKIT ASTHMA

- ◆ Batuk terutama pada waktu malam atau cuaca sejuk
- ◆ Nafas berbunyi/ "wheezing" (seperti siulan)
- ◆ Rasa ketat/ ketegangan di dada.
- ◆ Kesusahan bernafas atau batuk selepas aktiviti fizikal.

## TANDA-TANDA PENYAKIT ASTHMA YANG TERUK

- ◆ Kesusahan bernafas.
- ◆ Kesusahan untuk bersuara/bercakap
- ◆ Kelihatan sangat penat
- ◆ Kebiruan pada kuku dan bibir.
- ◆ Terdapat lekuk pada bahagian dada apabila bernafas.

## BAGAIMANA SERANGAN ASTHMA DAPAT DIELAKKAN.

- ◆ Kenalpasti faktor pencetus Asma
- ◆ Jauhi/ elak bahan pencetus Asma
- ◆ Menggunakan ubatan asthma seperti yang diarahkan oleh doktor.
- ◆ Bawa anak berjumpa doktor jika terdapat tanda-tanda penyakit asthma.

## RAWATAN ASTHMA

### A) Ubat Pencegah Asma ( PREVENTION )

- ◆ Ubat berikut dapat mencegah serangan serta gejala asma seperti batuk tengah malam.
- ◆ Jenis ubat adalah seperti sedutan beclomethasone, budesonide fluticasone dan seretide atau symbicort.
- ◆ Ubat telan (singulair) juga boleh digunakan sebagai ubat pencegah.